

## **UniKL tersenarai antara universiti terbaik dunia**

[Suzalina Halid](#) - September 7, 2021 @ 12:03pm

[suzalina@bh.com.my](mailto:suzalina@bh.com.my)



KUALA LUMPUR: Universiti Kuala Lumpur (UniKL) mencapai satu lagi penanda aras apabila tersenarai dalam kelompok universiti terbaik dunia, Times Higher Education (THE) untuk dua tahun berturut-turut.

UniKL berada di kedudukan 1200+ antara 1,662 universiti di seluruh dunia yang disenaraikan.

Selain UniKL, 17 universiti tempatan yang lain termasuk lima IPTS bertaraf universiti iaitu Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Multimedia (MMU) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) turut tersenarai.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) UniKL, Datuk Dr Roziah Omar, berkata berdasarkan pelan strategiknya, UniKL menyasarkan untuk berada di kedudukan 600 teratas dalam senarai universiti terbaik dunia menjelang 2025.

Beliau berkata, pihaknya yakin ia mampu dicapai berdasarkan pelan transformasi 'WE4ASIA' yang dilancarkan pada 2014 selain sokongan berterusan dari semua warga universiti serta pihak berkepentingan, khususnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Roziah berkata, malah UniKL kini sedang berusaha untuk meningkatkan reputasinya di peringkat antarabangsa melalui kolaborasi dengan universiti dan organisasi ternama dunia dari dalam dan luar negara selain usaha meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa.

"Selain menjadi universiti termuda Malaysia di dalam senarai itu, UniKL juga membuktikan komitmennya terhadap kecemerlangan akademik dan penyelidikan di samping mengekalkan falsafah pendidikan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) peringkat tinggi dan pembelajaran secara praktikal.

"Sokongan daripada semua pihak menjadikan UniKL unggul dalam 13 penunjuk prestasi yang mengukur pencapaian di dalam empat bidang utama iaitu pengajaran, penyelidikan, pemindahan pengetahuan dan reputasi di peringkat antarabangsa," katanya melalui kenyataan, di sini hari ini.

Pada masa sama, Roziah berkata, senarai universiti terbaik dunia THE juga memperlihatkan bahawa institusi pendidikan tinggi di Asia mengorak langkah untuk mengatasi universiti Barat melalui peningkatan di dalam kedudukan mereka di peringkat global.

"UniKL adalah universiti teknikal keusahawanan terbesar di Malaysia yang dikelolakan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) iaitu agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

"Ini adalah pencapaian yang amat membanggakan berikutan UniKL pada asalnya ditubuhkan daripada beberapa buah institut teknikal dan vokasional milik penuh MARA yang mengkhusus kepada pelbagai bidang teknologi mengikut keperluan industri sebelum ia digabungkan dan dinaik taraf sebagai sebuah universiti pada tahun 2002," katanya.